

PERJANJIAN UNTUK PENYEWAAN PETI SIMPAN SELAMAT / AGREEMENT FOR HIRE OF SAFE DEPOSIT BOX

No.:

CIMB Bank Berhad (197201001799) ("Bank") dengan ini bersetuju untuk menyewakan dan
("Penyewa") bersetuju untuk menyewa, tertakluk pada Terma dan Syarat yang Mengawal Penyewaan Peti Simpan Selamat ("Terma dan Syarat")
, Peti Simpan Selamat No Saiz selama setahun pada kadar sewa tahunan sebanyak Ringgit Malaysia.....
(RM.....) yang perlu dibayar terdahulu.

Penyewa dengan ini mengakui dan mengisyartahkan bahawa beliau telah menerima, membaca dan memahami Terma dan Syarat dan bersetuju untuk terikat dengannya dan sebarang pindaannya yang boleh diperkenalkan kemudian oleh Bank dari semasa ke semasa selepas memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalender terlebih dahulu (Klausula 21 dan Klausula 22 terutamanya, ditekankan dan dinyatakan semula di bawah ini untuk perhatian dan persetujuan Penyewa).

Perjanjian ini hendaklah (melainkan jika dinyatakan sebaliknya secara bertulis) diteruskan dari setahun ke setahun pada sewa tahunan tersebut yang perlu dibayar terdahulu (yang tertakluk pada perubahan menurut budi bicara Bank) dan berdasarkan Terma dan Syarat yang berkuat kuasa pada masa itu tetapi tertakluk pada hak Penyewa atau Bank untuk mengakhiri atau menamatkannya dengan memberikan notis bertulis satu bulan kalender sebelum penamatkan atau tamat tempoh mana-mana tahun penyewaan itu mengikut Klausula 11 Terma dan Syarat. Sekiranya sewa tahunan yang perlu dibayar bagi mana-mana tahun diubah, Bank akan memberikan pemberitahuan 21 hari kalender kepada Penyewa.

Penerimaan satu/dua kunci B bagi Peti Simpan Selamat yang disebut di atas dengan ini diakui oleh Penyewa.
Penerimaan sewa sebanyak RM..... dan deposit kunci sebanyak RM dengan ini diakui oleh Bank.

CIMB Bank Berhad (197201001799) ("the Bank") hereby agrees to let and ("the Hirer") agrees to hire subject to the Terms and Conditions Governing The Hiring Of Safe Deposit Box ("the Terms and Conditions"), the Safe Deposit Box No..... Size ... for one year at an annual rent of Ringgit Malaysia (RM.....), payable in advance.

The Hirer hereby acknowledges and declares that he/she has received, read and understood the Terms and Conditions and agrees to be bound by the same and any amendments to the same which the Bank may subsequently introduce from time to time upon giving twenty one (21) calendar days prior notice (Clause 21 and Clause 22 in particular are highlighted and reproduced below for the Hirer's attention and agreement).

This Agreement shall (unless stated expressly in writing otherwise) continue from year to year at the said annual rent payable in advance (which is subject to change at the Bank's discretion) and upon the Terms and Conditions then in force but subject to the right of either the Hirer or the Bank to determine or terminate the same by giving one calendar month's notice in writing prior to the termination or expiry of any year of the hiring in accordance with Clause 11 of the Terms and Conditions. Where the annual rent payable in respect of any year is changed, the Bank shall issue a 21 calendar days notification to the Hirer.

The receipt of the one/two B key(s) of the above-mentioned Safe Deposit Box is hereby acknowledged by the Hirer.
The receipt of the rent of RM and a key deposit of RM.....are hereby acknowledged by the Bank.

Clause / Klausula 21:

The Bank shall not be liable for any loss or damage to the contents of the Box arising from whatever cause or event whatsoever unless due to the gross negligence and/or willful default of the Bank / Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan kandungan Peti yang timbul daripada apa-apa sebab atau kejadian sekalipun, melainkan disebabkan oleh kecuaian melampau dan/atau keingkaran sengaja Bank.

Clause / Klausula 22:

The Bank's total liability for any loss and / or damage for any one (1) unit of Safe Deposit Box irrespective of size shall only be RM10,000.00 or such other amount as the Bank may determine from time to time by notification to the Hirer. The Hirer shall take insurance cover from a reputable insurance company to cover the contents of the Safe Deposit Box should their value be higher than RM10,000.00 or such other amount as the Bank may notify the Hirer from time to time. / Jumlah had liabiliti Bank terhadap sebarang kehilangan dan / atau kerosakan mana-mana satu (1) unit Peti Simpan Selamat tanpa mengira saiznya adalah hanya RM10,000.00 atau sebarang amaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan kepada Penyewa. Penyewa hendaklah mengambil perlindungan insurans daripada syarikat insurans yang bereputasi baik untuk melindungi nilai kandungan Peti Simpan Selamat sekiranya nilainya lebih tinggi daripada RM10,000.00 atau sebarang amaun lain sebagaimana yang dimaklumkan oleh Bank kepada Penyewa dari semasa ke semasa.

Bertarikh
Dated this
..... haribulan
..... day of
..... tahun
..... year

Untuk / for CIMB Bank Berhad

.....
Tandatangan yang Sah / Authorised Signature

.....
Tandatangan Penyewa / Signature of Hirer

.....
Tandatangan Penyewa / Signature of Hirer

**TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL PENYEWAAN
PETI SIMPAN SELAMAT**

1. Dalam terma dan syarat ini, ungkapan "Peti" bermaksud Peti Simpan Selamat yang dipersetujui akan disewa oleh Penyewa, dan ungkapan "Penyewa" termasuk mana-mana orang yang diberi kuasa di bawah Mandat ini, dan rujukan kepada bilangan mufrad hendaklah termasuk rujukan kepada bilangan jamak dan begitu juga sebaliknya, dan "Bank" bermaksud CIMB Bank Berhad dan cawangannya tempat perkhidmatan tersebut tersedia.
2. Penyewa dengan ini bersetuju untuk membuka suatu akaun deposit dengan Bank atau CIMB Islamic Bank Berhad untuk memudahkan pembayaran deposit kunci, sewa tahunan yang perlu dibayar dan apa-apa wang, caj atau fi lain (termasuk sebarang cukai, jika berkenaan) yang perlu dibayar dari semasa ke semasa berkenaan dengan Peti. Fi dan caj yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini adalah dinyatakan termasuk sebarang cukai, jika berkenaan. Jenis akaun deposit yang akan dibuka oleh Penyewa hendaklah ditentukan oleh Bank.
3. Penyewa akan dikehendaki supaya membayar sewa terlebih dahulu, bersama dengan deposit untuk kuncinya, dan hendaklah mengikat suatu Perjanjian dengan Bank untuk penyewaan Peti, tertakluk pada terma dan syarat ini.
4. Perjanjian untuk Penyewaan tidak akan memberi Penyewa apa-apa kepentingan yang lebih besar atau kepentingan lain selain daripada kebenaran untuk menggunakan Peti semasa tempoh penyewaan untuk menyimpan barang yang sesuai jenisnya mengikut terma dan syarat ini.
5. Bank tidak akan disifatkan sebagai menjadi baili kandungan Peti atau mana-mana bahagiannya, begitu juga ia tidak akan dijelaskan oleh notis mengenai apa-apa amanah atau ekuiti yang terikat dengan kandungan tersebut atau mana-mana bahagiannya. Tertakluk pada peruntukan Klausus 9, jenis dan nilai kandungan tersebut tidak ada kena-mengena dengan Bank.
6. Hanya Penyewa akan dibenarkan akses kepada Peti. Penyewa tidak akan dibenarkan untuk menyewakan semula Peti atau mana-mana bahagiannya. Walau bagaimanapun, Penyewa boleh memberi kuasa kepada orang lain untuk mendapat akses kepada Petinya di bawah Mandat yang ditandatangani pada borang Bank, dan orang tersebut adalah dengan ini disifatkan sebagai mempunyai kuasa penuh Penyewa untuk mengalihkan atau selainnya menguruskan kandungan Petinya selepas kunci dikemukakan dan tandatangannya ditentusahkan hingga Bank berpuas hati.
7. Jika "Penyewa" merangkumi atau terdiri daripada 2 orang atau lebih, semua obligasi dan waad dalam terma dan syarat ini hendaklah disifatkan sebagai dibuat oleh dan mengikat Penyewa secara bersama dan berasingan (kemudian dari ini dirujuk sebagai "Penyewa bersama" atau "Penyewa-penyewa bersama", mengikut mana-mana yang berkenaan). Penyewa bersama bersetuju bahawa mereka merupakan pemilik bersama kandungan Peti pada masa ini dan masa hadapan. Peti hendaklah disifatkan sebagai dibuka atau dikekalkan atas nama bersama, dengan hak penakutan. Perjanjian tidak akan ditamatkan oleh kematian mana-mana Penyewa bersama tetapi hendaklah tetap berkuat kuasa sepenuhnya untuk Penyewa bersama yang masih hidup. Jika Bank menerima arahan yang bercanggah daripada Penyewa bersama, Bank hanya akan bertindak mengikut arahan bersama daripada Penyewa bersama yang jelas, pasti atau tidak bercanggah, atau Bank boleh menamatkan penyewaan Peti menurut Klausus 11.
8. Setiap Peti hendaklah mempunyai dua set kunci, iaitu kunci A yang hendaklah disimpan oleh Bank, dan kunci B yang hendaklah disampaikan kepada Penyewa apabila deposit dibayar. Penyewa mengaku janji untuk menyimpan kunci B dengan sangat berhati-hati. Jika mana-mana kunci B hilang, dicuri atau tersalah letak, Penyewa hendaklah melaporkannya kepada Bank dengan segera, dan Bank boleh, atas permintaan Penyewa, mendapatkan ibu kunci B yang baharu, dan kosnya hendaklah dibayar oleh Penyewa. Melainkan dan sehingga Bank diberitahu dengan sewajarnya mengenai kehilangan kunci, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan akibat daripada Peti yang dibuka dan kandungan yang dialihkan oleh mana-mana orang yang mengemukakan kunci dan menyamar sebagai Penyewa. Semua pemberian ibu kunci atau kunci yang perlu hendaklah dijalankan semata-mata oleh pekerja yang dilantik oleh Bank. Perbelanjaan yang timbul daripada kehilangan kunci atau kunci-kunci dan apa-apa pemberian yang timbul daripada perkara selain penggunaan Peti yang biasa dan munasabah (termasuk kos ibu kunci baharu, jika diperlukan) hendaklah ditanggung oleh Penyewa.
9. Penyewa tidak boleh menggunakan, dan tidak boleh membenarkan penggunaan, Peti untuk menyimpan sebarang cecair atau apa-apa benda yang bersifat mudah meletup, berbahaya atau mengusarkan, atau apa-apa benda yang mungkin mengganggu Bank atau Penyewa mana-mana Peti Simpan Selamat lain, atau bagi apa-apa tujuan selain daripada menyimpan barang atau dokumen yang bernilai; dan Penyewa hendaklah, apabila dituntut, membenarkan Bank untuk memeriksa kandungan Peti bagi tujuan memastikan bahawa terma dan syarat ini dipatuhi.
10. Penyewa boleh mendapat akses kepada Peti pada mana-mana hari (kecuali hari Ahad dan hari cuti) semasa waktu perniagaan Bank selepas beliau menandatangani permohonan untuk akses tersebut, tetapi Bank tidak terikat untuk membenarkan akses tersebut jika tandatangan Penyewa tidak ditentusahkan hingga Bank berpuas hati; dan Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang timbul daripada keengganannya Bank untuk memberi pemohon akses kepada Peti atas sebab Bank tidak berpuas hati dengan kesahihan tandatangan itu. Bank juga boleh enggan membenarkan akses kepada Peti jika sewa tertunggak dan belum dibayar (melainkan dan sehingga Bank telah menerima notis nyata mengenai penyewaan itu) atau apa-apa jumlah kena dibayar dan terhutang kepada Bank daripada Penyewa di bawah terma dan syarat ini.
11. Jika sewa untuk Peti adalah tertunggak dan belum dibayar selama satu bulan selepas tarikh matang, atau jika

- terdapat sebarang kemungkiran, ketakpatuhan atau ketaklaksanaan mana-mana terma dan syarat ini oleh Penyewa, atau jika arahan yang bercanggah diberikan oleh Penyewa bersama, atau kerana apa-apa alasan operasi Bank, Bank boleh menamatkan Perjanjian untuk Penyewaan dengan memberikan notis bertulis satu bulan kepada Penyewa. Penyewa juga berhak menamatkan penyewaan Peti dan Perjanjian dengan memberikan notis satu bulan dengan sendiri atau melalui penghantaran pemberitahuan bertulis. Jika "Penyewa" merangkumi atau terdiri daripada 2 orang atau lebih, penamatan tersebut hendaklah mengikut terma dan/atau syarat mandat yang diberikan kepada Bank oleh Penyewa bersama. Sekiranya penamatan tersebut berlaku, Bank hanya berhak mendapat sebahagian daripada sewa sehingga tarikh penamatan Perjanjian, namun tertakluk pada Klausus 12 dan 13, dan jika sewa untuk tahun semasa telah dibayar, sebahagian yang wajar daripadanya hendaklah dibayar balik oleh Bank.
12. Apabila Perjanjian untuk Penyewaan ditamatkan oleh Bank atau Penyewa, semua harta yang disimpan dalam Peti hendaklah dialihkan, dan kunci B hendaklah dipulangkan kepada Bank. Penerimaan kunci B akan diakui oleh Bank melalui pembayaran balik Deposit untuknya.
13. Jika kandungan Peti tidak dialihkan atau kunci B tidak dipulangkan kepada Bank pada atau sebelum penamatan Perjanjian oleh mana-mana pihak, Penyewa hendaklah bertanggungjawab untuk membayar sewa dua kali ganda kepada Bank dari tarikh penamatan sehingga kandungan Peti dialihkan dan kunci B dipulangkan kepada Bank.
14. Sekiranya kunci B tidak dipulangkan kepada Bank dalam tempoh enam (6) bulan dari penamatan Perjanjian, Bank berhak, pada bila-bila masa selepas itu, memecahkan Peti, dan jika Bank berfikir bahawa patut, membuka pengedap sebarang paket atau bekas di dalam Peti, dan membuka kunci atau memecahkan sebarang bekas terkunci tanpa bertanggungjawab terhadap kerosakan yang diakibatkan. Bank boleh mengirim kandungan Peti melalui pos berdaftar atau cara munasabah lain, atas risiko Penyewa, kepada alamat Penyewa yang terakhir diketahui; atau atas pilihan Bank, ia boleh mengelakkan dan menyimpan kandungan tersebut di dalam Peti yang sama atau peti besi atau tempat lain sebagaimana yang ia fikir patut atas risiko Penyewa semata-mata; dan Bank berhak mengenakan bayaran dalam jumlah yang sama dengan dua kali ganda sewa yang perlu dibayar di bawah ini selama tempoh yang bermula dari tarikh penamatan Perjanjian sehingga Bank mengirim kandungan Peti kepada Penyewa atau sehingga Penyewa mengalihkan kandungan Peti.
15. Bank hendaklah mempunyai lien atau cagaran ke atas kandungan Peti untuk sewa dan semua jumlah yang terhadapnya Penyewa mungkin bertanggungjawab kepada Bank di bawah terma dan syarat ini, dan boleh, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa selepas tamatnya tempoh enam bulan tersebut, tanpa notis kepada Penyewa, menjual semua atau mana-mana kandungan Peti dan menggunakan hasil bersih untuk atau ke arah pelunasan wang yang kena dibayar kepada Bank bagi sewa atau perbelanjaan seperti yang tersebut di atas, dan hasil lebihan penjualan (jika ada) hendaklah disimpan

oleh Bank atas nama Penyewa tanpa apa-apa liabiliti terhadap Bank berkenaan dengan faedah.

16. Sekiranya Penyewa meninggal dunia, wakil diri sah atau wakil-wakil jika lebih daripada seorang, apabila mengemukakan Pemberian Probet atau Surat Kuasa Mentadbir dan menandatangani namanya atau nama mereka pada Borang Permohonan dan mengemukakan kunci B, boleh mendapat akses kepada, dan membuka, Peti, dan mengalihkan semua kandungannya, dan perbuatan ini hendaklah menamatkan Perjanjian secara automatik. Bank boleh, mengikut budi bicaranya tanpa bertanggungjawab terhadap apa-apa kehilangan, sebelum Pemberian Probet atau Surat Kuasa Mentadbir membenarkan mana-mana orang yang mendakwa bahawa beliau berhak mentadbir harta pusaka arwah / mendiang Penyewa, untuk membuka Peti dan memeriksa kandungannya di hadapan seorang pegawai Bank, tetapi orang tersebut tidak boleh mengalihkan sebarang kandungan kecuali apa-apa kertas Wasiat yang melaluinya orang tersebut dilantik sebagai wasi.
17. Sekiranya mana-mana Penyewa bersama meninggal dunia, tertakluk pada kehendak Bank atau amalan semasa Bank, Penyewa bersama yang masih hidup boleh berhak membuka Peti dan/atau menguruskan atau mengeluarkan kandungan Peti dan/atau berhak menutup Peti, dan apabila kandungan dikeluarkan dan Peti ditutup, Bank hendaklah dilepaskan secara automatik daripada apa-apa obligasi atau tanggungjawab selanjutnya kepada waris, penerima pusaka, penerima harta wasiat atau wakil sah arwah / mendiang Penyewa bersama itu.
18. Bank tidak akan terikat untuk menyiasat atau dianggap sebagai mempunyai apa-apa pengetahuan atau notis, sebenar, tersirat atau konstruktif, tentang sama ada sebarang kandungan Peti dimiliki oleh arwah / mendiang Penyewa bersama. Terma kontrak ini akan tetap wujud selepas kematian mana-mana Penyewa bersama, dan akan mengikat wakil diri arwah / mendiang Penyewa bersama.
19. Apa-apa perubahan alamat e-mel dan/atau alamat suratmenurut dan/atau nombor telefon dan/atau tandatangan dan/atau butiran lain Penyewa yang direkodkan dengan Bank hendaklah diberitahu kepada Bank secara bertulis oleh Penyewa. Pemberitahuan tersebut mesti dibuat secara bertulis dan disokong oleh apa-apa dokumentasi yang boleh dikehendaki oleh Bank, dan hanya akan berkuat kuasa apabila diterima oleh Bank.
20. Semua komunikasi yang dihantar oleh Bank melalui komunikasi semerta dan/atau melalui pos kepada, atau yang ditinggalkan pada, alamat Penyewa yang terakhir didaftarkan dengan Bank, dan/atau melalui penerbitan pada laman web Bank atau di mana-mana cawangan Bank, hendaklah disifatkan sebagai dihantar kepada dan diterima oleh Penyewa: (i) jika dihantar melalui pos, pada hari ketujuh (ke-7) selepas pengeposan; (ii) jika melalui apa-apa bentuk komunikasi semerta (termasuk melalui mel elektronik dan/atau khidmat pesanan ringkas (SMS) dan rakaman suara), dengan serta-merta; (iii) jika melalui penerbitan pada laman web Bank atau di mana-mana cawangan Bank, pada hari penerbitan. Dalam hal Penyewa bersama, notis yang diberikan kepada mana-mana seorang daripada mereka hendaklah disifatkan

- sebagai notis yang mencukupi kepada semua Penyewa bersama.
21. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan kandungan Peti yang timbul daripada apa-apa sebab atau kejadian sekalipun, melainkan disebabkan oleh kecuaian melampau dan/atau keingkaran sengaja Bank.
22. Jumlah had liabiliti Bank terhadap sebarang kehilangan dan/atau kerosakan mana-mana satu (1) unit Peti Simpan Selamat tanpa mengira saiznya adalah hanya RM10,000.00 atau sebarang amaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan kepada Penyewa. Penyewa hendaklah mengambil perlindungan insurans daripada syarikat insurans yang bereputasi baik untuk melindungi nilai kandungan Peti Simpan Selamat sekiranya nilainya lebih tinggi daripada RM10,000.00 atau sebarang amaun lain sebagaimana yang dimaklumkan oleh Bank kepada Penyewa dari semasa ke semasa.
23. Semua persetujuan, obligasi, kuasa, pemberian kuasa dan liabiliti yang terkandung dalam termasuk syarat ini hendaklah disifatkan sebagai bersama dan berasingan. Penyewa bersama hendaklah mengaku janji secara bersama dan berasingan untuk menanggung rugi dan melindungi Bank terhadap kerugian, dakwaan, tuntutan, prosiding, kos, perbelanjaan, cukai (jika berkenaan) atau kewajipan dan liabiliti lain apa sahaja pun dan bila-bila ditanggung, yang timbul daripada sebarang pemberian kuasa yang diberikan oleh mana-mana Penyewa bersama dan/atau berkaitan dengan Peti.
24. Bank boleh mengubah (sama ada dengan menambahkan kepada, memotong daripada, atau selainnya meminda) ("Pindaan") mana-mana termasuk syarat ini dan/atau mengubah sewa tahunan yang perlu dibayar berkenaan dengan mana-mana tahun, deposit kunci dan/atau sebarang fi dan/atau caj lain yang perlu dibayar dari semasa ke semasa bagi Peti ("Fi Terubah") dengan memberi Penyewa notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender sebelum Pindaan dan/atau Fi Terubah mula berkuat kuasa. Notis mengenai Pindaan dan/atau Fi Terubah boleh diberikan secara berikut: (i) notis mengenai Pindaan dan/atau Fi Terubah dipaparkan pada premis dan laman web Bank secara umum dan peruntukan terperinci berkenaan dengan Pindaan dan/atau Fi Terubah boleh diberikan kepada Penyewa atas permintaan, atau notis itu sendiri boleh mengandungi perincian Pindaan dan/atau Fi Terubah itu; atau (ii) notis itu dihantar oleh Bank kepada alamat Penyewa yang terakhir diketahui; atau (iii) notis itu diiklankan dalam satu surat khabar pilihan Bank; atau (iv) notis itu dihantar melalui mel elektronik atau dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh Bank, dan Pindaan dan/atau Fi Terubah itu hendaklah mula berkuat kuasa dan mengikat dari tarikh yang ditentukan dalam pemberitahuan itu. Penyewa boleh menutup Peti Penyewa mengikut Klausus 11 jika mereka tidak bersetuju dengan Pindaan dan/atau Fi Terubah itu.
25. Penyewa tidak boleh, tanpa persetujuan bertulis Bank, menyerahkan hak atau diwujudkan sebarang kepentingan sekuriti ke atas hak, hak milik, manfaat dan kepentingan Peti termasuk tetapi tidak terhad kepada

kandungan Peti yang dikenakan di bawahnya atas nama mana-mana orang, kecuali dan melainkan perkara tersebut boleh diserahkan hak atau diwujudkan atas nama Bank.

26. Termasuk syarat ini yang mengawal penyewaan Peti hendaklah tertakluk pada, dikawal oleh, dan ditafsirkan mengikut, undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan lain yang berkenaan, yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
27. Apa-apa arahan daripada Penyewa kepada Bank berkenaan dengan Peti hendaklah dibuat secara bertulis, dan ditandatangani oleh Penyewa. Apa-apa arahan tersebut hendaklah mula berkuat kuasa hanya selepas penerimaan oleh Bank.

Penzahiran Maklumat

- 28.1 Penyewa bersetuju, membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat berkenaan Penyewa, hal ehwal Penyewa dan/atau mana-mana akaun yang dikenakan oleh Penyewa dengan Bank, kepada:
- ejen, pemberi perkhidmatan, juruaudit, penasihat undang-undang dan/ atau penasihat profesionalnya di dalam atau di luar Malaysia;
 - Entiti-entiti di dalam Kumpulan CIMB Group Holdings Berhad, syarikat pemegangan muktamad Bank ("Kumpulan Syarikat") sama ada Kumpulan Syarikat tersebut bermastautin, berada, menjalankan perniagaan, ditubuhkan atau diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia;

untuk memudahkan perniagaan, operasi, penyediaan Peti, kemudahan dan peruntukan kontrak, perkhidmatan Bank atau yang diberikan atau disediakan oleh Bank dan/atau Syarikat Kumpulan kepada pelanggannya, dan serta kepada:

- mana-mana tribunal, mahkamah, agensi atau badan kerajaan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan yang mana Bank dikehendaki membuat pendedahan atau mempunyai bidang kuasa ke atas Bank sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk mematuhi sebarang perintah, permintaan, permintaan atau keperluan pelaporan atau untuk tujuan litigasi atau litigasi berpotensi yang melibatkan Bank apabila diperlukan atau diminta untuk berbuat demikian dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa;
- mana-mana syarikat dan/atau organisasi yang membantu atau memudahkan pemprosesan dan/atau pelaksanaan transaksi atau arahan yang telah diminta daripada, dan/atau diberikan kepada Bank, oleh pemegang akaun;
- sebarang penerima pindahan atau penerima serah hak yang berpontensi dengan mana Bank sedang merundingkan pemindahan, penyerahan hak dan pembaharuan hak atau obligasi di bawah, atau dengan rujukan kepada Akaun Simpanan ini; dan

- pihak ketiga tersebut dan untuk tujuan(-tujuan) seperti yang dikenal pasti dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB di bawah tajuk 'Pendedahan Maklumat Peribadi Anda' dan 'Cara Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda' masing-masing.

Penyewa bersetuju bahawa persetujuan yang diberikan di atas tidak boleh ditarik balik jika pendedahan maklumat Penyewa adalah perlu untuk penyediaan Peti dan/atau perkhidmatan berkaitan atau pelaksanaan kontrak dengan Penyewa untuk mematuhi keperluan kontrak atau untuk mematuhi mana-mana keperluan undang-undang.

28.2 Penzahiran oleh Bank kepada Kumpulan Syarikat (dalam Malaysia) mungkin juga untuk jualan silang dan tujuan lain Bank dan/atau Kumpulan Syarikat dengan syarat bahawa pendedahan untuk tujuan jualan silang tidak akan dilaksanakan jika dibantah oleh Penyewa.

Bank juga boleh mendedahkan maklumat Penyewa seperti nama dan butiran hubungan (tidak termasuk hal ehwal atau akaun pemegang akaun) kepada rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan rakan kongsi pakatan strategik untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi jika persetujuan daripada Penyewa telah diperolehi dengan menghubungi Bank melalui nombor telefon atau pada alamat berikut (yang boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada Penyewa): Unit Penyelesaian Pelanggan (CRU). Peti Surat 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / e-mel: contactus@cimb.com

28.3 Penyewa dengan ini bersetuju, dan membenarkan dan mengundang secara nyata, pekerja, kontraktor bebas, wakil dan/atau ejen Bank untuk menghubungi Penyewa dari semasa ke semasa, melalui lawatan peribadi atau komunikasi lisan yang dilakukan melalui apa-apa cara komunikasi, termasuk tetapi tidak kepada panggilan telefon berhubung dengan sebarang promosi.

28.4 Tanpa menjaskan perkara yang tersebut di atas dan berdasarkan alamat surat-menyerat, alamat e-mel, nombor telefon dan/atau apa-apa butiran perhubungan sedia ada Penyewa yang disimpan atau direkodkan dengan Bank, Bank dengan ini dibenarkan secara tidak boleh batal (tetapi tidak diwajibkan) untuk menghubungi dan/atau memberitahu Penyewa melalui pos dan/atau mel elektronik dan/atau telefon dan/atau khidmat pesanan ringkas (SMS) dan/atau perkhidmatan kurier dan/atau apa-apa mod komunikasi lain yang dipilih oleh Bank mengikut budi bicaranya semata-mata. Maklumat atau pemberitahuan yang dihantar sedemikian oleh Bank hendaklah merangkumi maklumat atau pemberitahuan yang dianggap oleh Bank sebagai sesuai atau perlu, dan boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang maklumat yang berhubung dengan Peti dan/atau sebarang maklumat yang berkaitan dengan apa-apa perkhidmatan, manfaat, promosi dan program Bank dan/atau mana-mana pihak lain, yang diadakan bersama atau berhubungan dengan Bank.

29. **Klausula Privasi**

29.1 Penyewa dengan ini mengesahkan bahawa Penyewa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan

Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati pada pautan www.cimb.com.my) dan klausa-klausa yang terkandung di sini, sebagaimana yang berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi Penyewa. Bagi mengelakkan keraguan, Penyewa bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut hendaklah disifatkan sebagai digabungkan ke dalam terma dan syarat ini melalui rujukan.

29.2 Sekiranya Penyewa memberikan maklumat peribadi dan kewangan berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkaitan dengan waris terdekat dan orang tanggungan Penyewa, untuk tujuan membuka atau mengendalikan Peti/akaun/kemudahan Penyewa dengan Bank atau selainnya melalangga produk dan perkhidmatan Bank, Penyewa (a) mengesahkan bahawa Penyewa telah mendapatkan persetujuan mereka, atau selainnya berhak memberikan maklumat ini kepada Bank, dan Bank boleh menggunakan mengikut terma dan syarat ini; (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; (c) bersetuju untuk memberikan maklumat kemas kini kepada Bank secara bertulis sekiranya terdapat apa-apa perubahan penting kepada maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan (d) bersetuju dengan hak Bank untuk menamatkan penggunaan Peti dan Perjanjian sekiranya persetujuan tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.

29.3 Jika Penyewa mengarahkan Bank supaya melaksanakan apa-apa jenis transaksi rentas sempadan (termasuk membuat atau menerima bayaran), butiran yang relevan dengan transaksi rentas sempadan itu (termasuk maklumat yang berkaitan dengan mereka yang terlibat dalam transaksi tersebut) mungkin diterima dari, atau dihantar ke, luar negara, tempat ia mungkin boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berkaitan dengan kewajipan sahnya (cth. pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan Bank dan/atau ejen kami supaya membuat apa-apa transaksi rentas sempadan bagi pihak Penyewa, Penyewa bersetuju dengan penzahiran yang tersebut di atas, bagi pihak Penyewa dan orang lain yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan tersebut.

29.4 Bank boleh, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, pada masa ini dan/atau masa hadapan, menjalankan pemeriksaan rujukan yang perlu, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemeriksaan pelaporan/rujukan kredit dengan agensi pelaporan/rujukan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan, untuk membolehkan Bank memastikan status Penyewa sebagaimana yang diperlukan bagi membantu pembuatan keputusan, contohnya apabila Bank perlu (a) memeriksa butiran pada permohonan untuk kemudahan kredit dan berkaitan kredit atau kemudahan lain; (b) menguruskan akaun atau kemudahan kredit dan berkaitan kredit, termasuk menjalankan kajian semula portfolio Penyewa; (c) mendapatkan balik hutang; dan/atau (d) apa-apa tujuan yang berkaitan atau berhubung dengan Peti di bawah terma dan syarat ini. Penyewa akan dikaikan, oleh agensi pelaporan/rujukan kredit, dengan mana-mana nama lain yang digunakan atau telah digunakan oleh Penyewa, dan mana-mana pemohon bersama dan berasingan. Bank juga boleh berkongsi

maklumat tentang Penyewa dan cara Penyewa menguruskan Peti/akaun/kemudahan Penyewa, dengan agensi pelaporan/rujukan kredit yang relevan, dan mana-mana agensi pelaporan/rujukan kredit ini boleh menzahirkan maklumat kredit Penyewa kepada pelanggannya bagi tujuan pengesanan penipuan dan pencegahan penipuan.

- 29.5 Walaupun selepas Penyewa telah memberikan apa-apa maklumat kepada Bank, Penyewa akan mempunyai pilihan untuk menarik balik persetujuan yang diberikan sebelum itu kecuali di mana pendedahan maklumat Penyewa sedemikian diperlukan untuk penyediaan Peti dan/atau perkhidmatan berkaitan atau prestasi kontrak dengan pemegang akaun untuk mematuhi keperluan kontrak atau untuk mematuhi sebarang keperluan undang-undang.
- 29.6 Bagi tujuan Klausa 29 ini, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat yang berkaitan dengannya seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat kawalan bersama yang memberikan perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan lain yang dikawal selia, tidak termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan "Bank" harus dibaca sebagai rujukan kepada Kumpulan CIMB.
- 29.7 Klausa ini hendaklah tidak menjelaskan mana-mana klausa lain dalam terma dan syarat ini yang memperuntukkan penzahiran maklumat.
30. Penyewa boleh membuat apa-apa aduan berkaitan dengan Peti, kepada pusat atau cawangan CIMB tempat Peti disenggarakan. Jika penyewa tidak berpuas hati dengan penjelasan atau penyelesaian yang diberikan oleh pusat atau cawangan CIMB itu, Penyewa boleh menghubungi Bahagian Penyelesaian Pelanggan Bank pada alamat, nombor telefon dan alamat e-mel berikut (atau alamat, nombor telefon dan alamat e-mel lain yang dimaklumkan oleh Bank kepada Penyewa): Unit Penyelesaian Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788, e-mel: contactus@cimb.com.